

08/12/2001

WAO anjur kempen hentikan keganasan terhadap wanita

PERTUBUHAN Pertolongan Wanita (WAO) menganjurkan kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita bermula 25 November hingga 10 Disember depan. Kempen dijalankan setiap tahun itu adalah susulan daripada persidangan pertama Institut Kepimpinan Wanita Global pada tahun 1991.

Tanggal 25 November dipilih sebagai Hari Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Antarabangsa dan 10 Disember sebagai Hari Hak Asasi Sedunia adalah kerana memberi makna simbolik kaitan antara keganasan terhadap wanita dengan hak asasi mereka. Wanita juga adalah manusia yang perlu diberi hak dan perlindungan serta diiktiraf setaraf dengan lelaki.

Untuk menjayakannya, kempen ini mendapat kerjasama daripada Levi Strauss dan Putra LRT yang turut sama mempergiatkan kesedaran mengenai keganasan terhadap wanita.

Tidak kira apa juga status dan kerjaya anda, kesedaran mengenai ramai wanita dianiaya didera perlu dihentikan. Kempen selama 16 hari itu dirasmikan Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir di Pasar Seni baru-baru ini.

Sepanjang kempen berlangsung, orang ramai didedahkan pelbagai maklumat untuk memahami konsep Hentikan Keganasan Terhadap Wanita menerusi poster dan risalah yang ditampal seluruh stesen LRT di Lembah Klang. Selain itu, pengguna yang membeli sebarang barangan daripada Levi Strauss, mereka akan menerima kad tele-bantuan. Kad ini juga boleh diperolehi di kaunter tiket semua stesen LRT.

Kad tele-bantuan ini bertujuan memudahkan orang ramai atau mangsa keganasan untuk mendapatkan bantuan oleh organisasi bukan kerajaan dan perundangan dari segi perlindungan dan kaunseling mengenai hak wanita yang didera.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ini, boleh layari [www.wao.org.my](http://www.wao.org.my)

(END)